

'AZMIN PERANGAI KEBUDAK-BUDAKAN'

UTUSAN: Mengapa Kementerian Datuk Seri ambil alih Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21, Shah Alam sejak Julai lalu?

NOH OMAR: Pusat pemindahan ini dibina Kerajaan Persekutuan dengan kos RM77 juta. Namun selepas pakatan pembangkang menawan Selangor (bermula 2008), kerajaan negeri itu menyerahkan pengurusan tapak kepada sebuah syarikat, Worldwide Holdings Berhad (WHB) (pada 2012) dengan kontrak selama lima tahun.

Sebaik sahaja kontrak tamat (21 Mei 2017), KPKT bertindak tidak menyambung selepas mendapati banyak kerosakan berlaku selain keadaan tapak pelupusan kelihatan tidak terurus. Bukan KPKT tamatkan, kita cuma tidak sambung kontrak.

Apa yang rosak di situ?

Apabila WHB masuk uruskan tapak itu, mereka masih hendakkan duit daripada KPKT. Untuk baiknya, kementerian tambah RM2 juta lagi (menjadikan RM79 juta). Dalam setahun, WHB untung RM10 juta. Bila majlis (empat PBT) buang sampah di situ (Seksyen 21), caj dikenakan satu tan sekitar RM28. Dalam tempoh lima tahun syarikat itu uruskan, satu sen berkaitan kemudahan yang rosak di tapak pelupusan itu mereka halakan pada KPKT minta dibaiki.

Bukan itu sahaja, apabila KPKT ambil alih, banyak kerosakan yang perlu dibaiki dengan membelanjakan kira-kira RM20 juta lagi. Treler (sampah) yang KPKT peruntukan di situ pun hilang. Darpada 16 unit, lima treler hilang selain lima kepala treler pun lenyap. Dari 37 silo (yang diletakkan atas treler), yang tinggal 18 unit, dibaiki (11) dan lapan hilang.

MUKADIMAH BALAS dendam atau motif apakah sehingga kerajaan PKR Selangor 'berpatah arang' enggan menggunakan Pusat Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21, Shah Alam.

Tindakan ini selepas pusat itu diambilalih Kerajaan Persekutuan pada akhir Julai lalu. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), **TAN SRI NOH OMAR** berkongsi dengan wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL** baru-baru ini punca Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bertindak sedemikian rupa.



NOH OMAR (dua dari kiri) sewaktu melawat tapak stesen pemindahan sisa pepejal Seksyen 21, Shah Alam, baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Orang tak jaga elok-elok barang kita, takkan kita nak bagi dia uruskan lagi.

Apa yang terjadi selepas kontrak tidak disambung?

Bila kontrak tidak disambung, mereka tidak puas hati, bawa kes ke mahkamah pertikaikan mengapa kita tidak sambung kon-

trak. Dua kes yang mereka bawa kalah. Apabila kementerian menang kes, kerajaan negeri seolah-olah bertindak balas dendam. Arahkan empat PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)



Tindakan itu hanya membazir dan air sampah yang menitik atas jalan itu berapa panjang pula? Ia akan sebabkan pencemaran pula. Kutipan sampah juga berkurangan yang jika dahulu tiga kali seminggu, kini sekali seminggu."

jangan lagi buang sampah di tapak pelupusan Seksyen 21. Empat PBT itu terpaksa hantar sampah yang dikutip ke tapak pelupusan sampah Jeram.

Apa kesannya kepada rakyat negeri Selangor?

Kerajaan negeri Selangor akan hadapi masalah pelupusan sampah. Kos akan meningkat sebab kos angkut sampah dari Petaling Jaya, Shah Alam ke Jeram berapa jauh? Tindakan itu hanya membazir dan air sampah yang menitik atas jalan itu berapa panjang pula? Ini akan sebabkan pencemaran pula. Kutipan sampah juga berkurangan yang jika dahulu tiga kali seminggu, kini sekali seminggu.

Tindakan kerajaan negeri tidak mahu buang sampah di tempat yang disediakan (Seksyen 21) macam kebudak-budakan.

Sepatutnya apa yang wajar Menteri Besar fikirkan waktu ini?

Janganlah sabotaj rakyat Selangor. KPKT ambil alih (tapak pelupusan) sebab kita mahu uruskan untuk rakyat. Saya yakin jika KPKT yang uruskan ia jauh lebih baik, sekali gus masalah sampah di Selangor boleh diselesaikan.